

PPK 221

NAMA : ANDI ARNAISAH BINTI ANDI ARNIS

NO MATRIK : 148634

TUGASAN 4 (PUNCA DAN INSTRUMEN DISGRAFIA PENULISAN)

DISGRAFIA HURUF

Terdapat 3 kategori Disgrafia penulisan iaitu Disgrafia Huruf, Disgrafia Ejaan & Disgrafia Ayat. Berdasarkan kategori, kenal pasti satu masalah dan cadangkan instrumen (bahan, aktiviti) penulisan yang sesuai bagi setiap masalah tersebut.

Perkataan *dysgraphia* berasal daripada perkataan Greek *dys* yang bermaksud "kesukaran" dan *γραφία graphía* bermaksud "menulis dengan tangan". Disgrafia boleh ditakrifkan sebagai masalah pembelajaran yang sering dikaitkan dengan kesukaran dalam mengeja, tulisan tangan yang tidak kemas, tidak betul dan sukar dibaca serta bermasalah dalam memindahkan maklumat pada kertas. Mereka yang mengalami masalah ini adalah mereka yang mempunyai kesukaran dalam menyatakan apa yang ada di dalam pemikiran ke dalam bentuk tulisan, graf atau gambar. Masalah dalam penulisan kerana tidak boleh menterjemahkan pemahaman bahasa ke dalam sistem symbol. Salah satu masalah disgrafia huruf adalah saiz huruf yang tidak sama (kecil & besar) serta bentuk huruf yang mereka tulis tidak dapat dikenalpasti.

Instrument untuk memperbaiki pembentukan huruf dan mengenalpasti perbezaan huruf murid adalah dengan menggunakan teknik belajar sambil bermain. Data dikumpulkan menggunakan instrumen-instrumen seperti pemerhatian dan analisis dokumen. Belajar sambil bermain adalah satu teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada kanak-kanak. Melalui teknik ini juga akan mendatangkan keseronokkan dan kepuasan kepada mereka dalam sesuatu pengajaran yang hendak disampaikan. Dengan bermain juga kanak-kanak akan dapat menguasai perkembangan dan penguasaan menulis huruf dengan cepat. Murid akan diperhatikan bermula dari Permainan Wikki Stix and Tanah Liat bagi membentuk huruf dengan betul, menentukan saiz huruf dan perbezaan antara huruf besar dan kecil. Teknik ini memberi fokus kepada kesilapan yang dilakukan oleh murid semasa menulis. Manakala, analisis dokumen pula boleh membantu guru untuk melihat kesalahan-kesalahan perkataan yang dilakukan oleh murid. Hal ini akan membantu guru dalam menganalisis hasil kerja murid mereka. Dengan cara begini, murid dapat diperbaiki oleh guru dan guru mampu membantu meningkatkan kemahiran menulis huruf murid dari semasa ke semasa.

